

Nama : _____

Tahun 4 : _____

Latihan Fahaman Minggu 7

Tajuk : Menjaga kebersihan badan

Arahan: Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan dengan jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Menjaga keseluruhan badan adalah sangat penting dan ia juga dituntut dalam agama Islam kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang. Badan yang bersih tidak mudah terdedah kepada pelbagai penyakit terutamanya penyakit kulit. Setiap hari, kita mesti mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari untuk menghilangkan bau badan yang kurang enak.

Kita mesti menggosok gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari terutamanya selepas bangun pagi dan ketika hendak tidur pada waktu malam. Kebersihan telinga juga tidak kurang pentingnya. Telinga perlu dikorek selalu agar sentiasa bersih. Jangan mengorek telinga dengan menggunakan benda yang tajam kerana ditakuti boleh merosakkan gendang telinga. Bersihkan dan keringkan telinga setiap kali selepas mandi. Kuku tangan dan kuku kaki juga perlu dipotong sekurang-kurangnya seminggu sekali supaya nampak bersih dan kuman tidak mudah melekat.

Menjaga kebersihan badan ini adalah perlu kepada semua peringkat umur. Sikap menjaga kebersihan ini perlu dipupuk sejak kita kecil lagi agar tubuh sentiasa bersih, sihat dan segar setiap hari.

➤ Kita perlu menggosok gigi selepas bangun pagi dan ketika hendak tidur pada waktu malam.
➤ Ya, telinga juga perlu diberikan supaya ia sentiasa bersih.
➤ Antonim bagi sihat ialah sakit dan bersih ialah kotor.
➤ Dalam agama Islam, menjaga kebersihan diri adalah sangat penting dan dituntut kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang.
➤ Kita perlu memotong kuku sekurang-kurangnya seminggu sekali supaya nampak bersih dan kuman tidak mudah melekat.
➤ Kita perlu mandi dua kali sehari untuk menghilangkan bau badan yang kurang enak.

1. Apakah perkara yang sangat penting dan dituntut dalam agama Islam mengikut petikan ini?

2. Mengapakah kita perlu mandi dua kali sehari?

3. Bilakah kita perlu menggosok gigi?

4. Adakah telinga kita juga perlu dibersihkan? Berikan alasannya.

5. Berapa kalikah kita perlu memotong kuku? Berikan alasannya.

6. Berikan antonim bagi sihat dan kotor.